

**HUBUNGAN KEBERKESANAN KERJA BERPASUKAN
DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN
KETUA PANITIA DI SEKOLAH RENDAH
DAERAH PAPAR**



FANNY ANTHONY JOHNWYN

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**HUBUNGAN KEBERKESANAN KERJA BERPASUKAN
DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN
KETUA PANITIA DI SEKOLAH RENDAH
DAERAH PAPAR**



FANNY ANTHONY JOHNWYN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PSIKOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**HUBUNGAN KEBERKESANAN KERJA BERPASUKAN
DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN
KETUA PANITIA DI SEKOLAH RENDAH
DAERAH PAPAR**

FANNY ANTHONY JOHNWYN



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PSIKOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : HUBUNGAN KEBERKESANAN KERJA BERPASUKAN DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN KETUA PANITIA DI SEKOLAH RENDAH DAERAH PAPAR.

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : FANNY ANTHONY JOHNWYN

SESI PENGAJIAN: 2012/2014

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


☒

TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh



(FANNY ANTHONY JOHNWYN)

(DR. MOHD KHAIRUDDIN ABDULLAH)

Alamat Tetap :

Tarikh : 17 JULAI 2014

Tarikh : 17 JULAI 2014

CATATAN :

*Potong yang tidak berkenaan


Jika tesis ini **SULIT atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

17 hb JULAI 2014



FANNY ANTHONY JOHNWYN
PT20117190C



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah, rahmat dan kurniaNya, disertasi ini dapat disempurnakan dengan baik.

Penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada penyelia disertasi saya iaitu Dr. Khairuddin Bin Abdullah @ Jerry atas komitmen dan kesediaan membantu membimbing serta mendorong saya dalam menyiapkan disertasi ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Pendidikan Dan Psikologi, Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi bimbingan dan ilmu dalam kursus Pengurusan Pendidikan.

Seterusnya penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan Pejabat Pelajaran Daerah Papar atas kelulusan dan kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan kajian ini.

Tidak dilupakan juga penghargaan dan terima kasih ini buat warga SK. Pekan Papar yang banyak memberi pandangan dan nasihat serta dorongan dari segi masa dan menyokong usaha saya pada peringkat pengajian ini.

Terima kasih ini juga saya tujukan khusus buat suami tercinta Encik Zaini Hj Zakaria dan anak-anak yang dikasihi Mohammad Syafiq, Syirin Syakirah, Mohammad Syuhail dan Mohammad Syaffi kerana sentiasa membantu dan berkorban masa dan tenaga demi melihat kejayaan saya dalam pengajian ini. Juga tidak dilupakan buat kedua ibubapa saya, Encik Johnwyn Mianus dan Puan Evangelina Guntingan serta seluruh keluarga atas sokongan moral dan iringan doa yang diberikan serta semua pihak yang telah memberikan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih

ABSTRAK

Kerja berpasukan merupakan satu cara kerjasama yang perlu diamalkan di sekolah pada masa kini untuk membantu meningkatkan keupayaan individu dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau tahap keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia di Daerah Papar.. Selain itu, kajian ini juga bertujuan melihat tahap perbezaan dan hubungan kepuasan kerja dengan keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia itu.. Seramai 240 orang Ketua Panitia dari Sekolah Rendah di pilih sebagai responden kajian ini. Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diguna pakai oleh Mohd Anuar (2007) dan Zainorazlin (2001) dan diubahsuai mengikut kehendak pengkaji . Data-data kajian dianalisis menggunakan Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 22.0 for Windows. Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan kerja berpasukan dan kepuasan kerja daam kalangan Ketua Panitia adalah tinggi. Analisis Ujian-t pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keberkesanan kerja berpasukan dan kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keberkesanan kerja berpasukan dengan kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia. Berdasarkan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk meningkatkan keberkesanan dan kepuasan kerja berpasukan di sekolah.

Kata Kunci : Kerja Berpasukan, Kepuasan Kerja, Ketua Panitia

ABSTRACT

Teamwork is a collaborative way to be practiced in schools nowadays to help improve the ability of individuals and the effectiveness of teaching and learning. This descriptive study aimed to explore the effectiveness of teamwork among the H Panels Head at the Papar District . In addition, this study also aims to look at the differences and relationship satisfaction with the effectiveness of teamwork among the Panels Head in the Papar District. About 240 Panels Head were selected from primary schools as the respondent. The instrument uses a questionnaire that has been adopted by Mohd Anuar (2007) and Zainorazlin (2001) and modified according to the needs of researchers . The data were analyzed using the software Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 22.0 for Windows . The results showed the effectiveness of teamwork and job satisfaction among the head of Panels are high. T-test analysis showed no significant difference between the effectiveness of teamwork and job satisfaction among the Panels Head . The study also showed a significant relationship between team effectiveness with job satisfaction among Panels Head. Based on this study, several recommendations were made to improve the effectiveness and satisfaction of teamwork in the school.

Keywords: *Effectiveness of Teamwork , Job Satisfaction, Panels Head*

KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	6
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Rasional Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	9
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	10
1.11	Definisi Kajian	11
1.12	Rumusan	13

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kerja Berpasukan	16
2.3	Kepentingan Kerja Berpasukan	19


2.4	Perlaksanaan Kerja Berpasukan Di Sekolah	20
2.5	Kepuasan Kerja Berpasukan	22
	Teori Dua Faktor-Herzberg	24
2.7	Kajian-Kajian Berkaitan	25
	2.7.1 Kajian Dalam Negara	25
	2.7.2 Kajian Luar Negara	27
2.8	Rumusan	28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Lokasi Kajian	29
3.4	Populasi Dan Sampel	30
	3.4.1 Populasi	30
	3.4.2 Sampel	31
3.5	Instrumen Kajian	32
3.6	Pengurusan Soal Selidik	34
3.7	Kajian Rintis	34
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	37
3.9	Prosedur Penganalisan Data	38
	3.9.1 Ujian-t (Independent Sample T-test)	38
	3.9.2 Analisis Varian Sehala (ANOVA)	38
	3.9.3 Analisis Korelasi Pearson	38
3.11	Prosedur Kajian	40
3.8	Rumusan	42

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	43
4.2	Demografi Responden	43
	4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	43
	4.2.2 Taburan Responden Mengikut Umur	44

4.2.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekhidmat Sebagai Ketua Panitia	45
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	46
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Jawatan Ketua panitia Teras dan Wajib	46
4.3	Hasil Kajian	47
4.3.1	Mengenal Pasti Faktor-Faktor Yang Paling Menyumbang Keberkesanan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Ketua Panitia	47
4.3.2	Melihat Hubungan Antara Keberkesanan Kerja Berpasukan Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Ketua Panitia	51
4.3	Analisisi Data Hipotesis	53
4.4.1	Hipotesis Pertama	53
4.4.2	Hipotesis Kedua	54
4.4.3	Hipotesis Ketiga	55
4.4.4	Hipotesis Keempat	56
4.4.5	Hipotesis Kelima	57
4.5	Rumusan	58
 		
BAB 5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	59
5.2	Rumusan Kajian	59
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	61
5.4	Perbincangan	62
5.4.1	Tahap Keberkesanan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Ketua Panitia Berdasarkan Faktor Jantina	63
5.4.2	Faktor-Faktor Yang Paling Menyumbang Kepada Keberkesanan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Ketua Panitia	64
5.4.3	Tahap Keberkesanan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Ketua Panitia Berdasarkan Faktor Pengalaman	66
5.4.4	Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Ketua Panitia	66

5.4.5	Hubungan Keberkesanan Kerja Berpasukan Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Ketua Panitia	67
5.5	Implikasi Kajian	68
5.6	Cadangan	69
	5.6.1 Cadangan Kepada Pihak Pentadbiran Sekolah	69
	5.6.2 Cadangan Kepada Guru	70
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	71
5.8	Penutup	71
	Bibliografi	72
	Lampiran	
	A – Analisis Kajian	
	B – Soal Selidik Kajian	
	C – Surat Kebenaran EPRD	
	D - Surat Pengesahan Pelajar	



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kajian	11
2.1 Teori Dua Faktor-Herzberg	26



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Guru (Populasi) Mengikut Sekolah	33
3.2 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie, R.V & Morgan D.W (1970)	34
3.3 Taburan Guru (Sampel) Mengikut Sekolah Kajian	34
3.4 Taburan Soalan Mengenai Kerja Berpasukan	36
3.5 Taburan Item Soal Selidik Kepuasan Kerja	37
3.6 Taburan Kebolehpercayaan Item Pengukuran (n=30)	38
3.7 Aras Bagi Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	40
3.8 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	41
3.9 Alat Statistik Yang di Gunakan	42
3.10 Carta Gantt Prosedur Kajian	43
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	46
4.2 Taburan Responden Mengikut Umur	46
4.3 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Berkhidmat Sebagai Ketua Panitia	47
4.4 Taburan Responden Mengikut Akademik	48
4.5 Taburan Responden Mengikut Jawatan Ketua Panitia Teras dan Wajib.	49
4.6 Faktor-faktor Yang Paling Menyumbang Kepada Kerja Keberkesanan Kerja Berpasukan Kalangan Ketua Panitia	50
4.7 Kepuasan Kerja Dalam Ketua Panitia	54
4.8 Perbezaan Keberkesanan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Ketua Panitia Berdasarkan Jantina	55
4.9 Perbezaan Keberkesanan Kerja Berpasukan Berdasarkan Pengalaman	56
4.10 Perbezaan Kepuasan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Ketua Panitia	57
4.11 Perbezaan Keberkesanan Kerja Berpasukan Dalam kalangan Ketua Panitia	58

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pihak pengurusan telah lama mengamalkan kerja berpasukan di sekolah tetapi masih tidak begitu ketara dan terdapat sebahagian guru masih kurang memahami konsepnya. Dekad ke 21 ini memperlihatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menggalakkan amalan pengurusan yang berkualiti di organisasi di bawahnya. Antara penekanan yang diberikan adalah kerja berpasukan. Melalui kerja berpasukan dalam semua sektor akan dapat meningkatkan produktiviti, interaksi antara ahli dalam pasukan, memberi kepuasan kerja serta dapat bersama menyelesaikan sesuatu masalah yang kompleks. Kerja berpasukan ini sangat penting di laksanakan di peringkat sekolah. Guru-guru tidak boleh bekerja secara individu, terutamanya bagi menyelesaikan kerja-kerja yang rumit. Melalui kerja berpasukan dapat menggalakkan penyataan perasaan, inovasi dan perkembangan fikiran ke arah penciptaan yang lebih kreatif.

Malahan, kerja berpasukan juga merupakan salah satu dimensi yang boleh menyumbang ke arah peningkatan kualiti pendidikan. Menurut Hadyn and McDonnel (1996) pasukan yang efektif adalah terdiri daripada dua atau lebih individu yang mempunyai matlamat khusus untuk dicapai dan semua ahli terlibat secara aktif untuk merealisasikan matlamat secara usahasama. Kerja berpasukan merupakan suatu unit dalam organisasi yang berinteraksi untuk berkongsi maklumat dan keputusan bagi membantu ahli-ahli pasukan menjalankan tugas dalam ruang sempadan tanggungjawab yang ditetapkan. Ia juga merupakan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dilakukan secara sinergi untuk menghasilkan prestasi kerja melebihi input yang dilakukan secara bersendirian. Melalui kerja berpasukan akan membolehkan organisasi meningkatkan hasil tanpa meningkatkan sumber.

Kerja berpasukan juga akan dapat menyatupadukan seluruh kakitangan jabatan atau panitia dalam menjayakan peningkatan kualiti kerja. Kerja berpasukan

di sekolah terutamanya di kalangan Ketua Bidang dan Ketua Panitia akan menentukan keberkesanan jabatan berkenaan dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan kualiti kerja dan kualiti pendidikan di kalangan guru serta memberi kepuasan kerja kepada mereka. Kerja berpasukan akan memudahkan pertukaran maklumat dan pandangan di kalangan Guru Kanan dan Ketua Panitia, mewujudkan perasaan saling mempercayai, mengukuhkan komunikasi dalam jabatan serta menuju ke arah peningkatan kualiti yang berterusan dalam organisasi sekolah. Kajian-kajian yang lepas telah membuktikan bahawa kerja berpasukan boleh memberi input kepada organisasi sekolah untuk mencapai kejayaan sekolah berasaskan visi dan misi sekolah.

Contohnya, kajian Weller (1998) membuktikan peranan kerja berpasukan adalah menuju ke arah kejayaan dalam organisasi sekolah. Manusia mengharapkan adanya kepuasan dalam kerjanya, kerana kepuasan kerja dapat memberikan kesan yang positif kepada produktiviti, perlakuan kooperatif, kepuasan hidup, dan kesihatan pekerja. Menurut Whether dan Davis dalam Safrizal (2004), kepuasan akan dapat ditingkatkan melalui kerja berpasukan yang berkesan. Salah satu faktor yang dapat mempengaruhi kepuasan kerja guru adalah kepimpinan yang efektif dalam kerja berpasukan, tetapi kualiti seseorang pemimpin tidak menjamin memberi kepuasan kerja kepada orang bawahannya kerana ia amat bergantung pada persepsi dan penerimaan gaya kepimpinan daripada orang bawahannya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Di sekolah, ahli dalam sesebuah panitia mata pelajaran terdiri daripada Ketua-ketua Panitia dan guru-guru mata pelajaran. Jawatankuasa panitia selalu menjalankan kerja mengikut panitia mata pelajaran masing-masing. Panitia perlulah saling bekerjasama dalam satu pasukan untuk pembangunan mata pelajaran dan meningkatkan mutu akademik sekolah. Merujuk Ismadafaie (2006), ahli-ahli sosiologi mengatakan manusia ialah makhluk sosial dan tiada manusia boleh hidup persendirian. Seseorang individu itu perlu berkerja dalam satu pasukan, itu sahaja cara kita bekerja. Dalam panitia, kerja berpasukan adalah diperlukan dimana setiap Ketua Panitia merasakan mereka mempunyai tanggungjawab bersama untuk memajukan organisasi sekolah dengan merancang dan melaksanakan pelbagai

aktiviti yang berkaitan dengan mata pelajaran serta mengurangkan ketegangan guru.

Mereka perlu saling bekerjasama, berkongsi idea, percaya mempercayai untuk memastikan keberkesanan kerja berpasukan terlaksana. Kerja berpasukan yang efektif dalam kalangan Ketua Panitia dan guru-guru disekolah memerlukan pengorbanan kepentingan individu demi keutamaan matlamat dan kepentingan organisasi. Sikap mementingkan diri merupakan salah satu halangan yang besar kepada perkembangan sesebuah organisasi sekolah. Jika seseorang guru mempunyai idea-idea yang bernas tetapi mereka tidak berkongsi dengan rakan-rakan sekerja ataupun seseorang Ketua Panitia merasakan jawatan mereka lebih tinggi dan memandang rendah pada ahli-ahli dibawahnya, maka segala perancangan yang dirancang akan terbantut dan tidak akan tercapai dengan berkesan. Memang dalam sesuatu panitia tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kecemerlangan individu, ia lebih menekankan kepada kecemerlangan berpasukan.

Merujuk Weller (1998), kerja berpasukan merupakan asas bagi unit pembelajaran dalam organisasi dan yang boleh belajar dalam organisasi adalah pasukan dan bukan organisasi yang belajar. Jika di dalam satu panitia itu wujudnya kesepaduan antara Ketua Panitia, maka mudah bagi sesebuah sekolah mencapai kejayaan. Dengan itu, amatlah wajar Ketua Panitia perlu memberi perhatian terhadap keberkesanan kerja berpasukan dalam organisasi sekolah. Dalam usaha merealisasi visi dan misi sekolah, Panitia mata pelajaran seharusnya mengamalkan satu pendekatan kerja yang sistematik dan berkesan. Robbins (1994), Kazemak (1991), Mears dan Voehl (1994) telah menyenaraikan beberapa ciri yang perlu wujud dalam kerja berpasukan, iaitu faktor kepimpinan yang efektif, matlamat yang jelas, komunikasi berkesan, penglibatan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Amalan kerja yang baik dalam panitia hendaklah menggantikan amalan kerja yang kurang berkesan ataupun diubahsuaikan supaya dapat mencapai ke arah kecemerlangan pendidikan.

Kerja berpasukan mempunyai potensi yang besar untuk membantu menyelesaikan masalah panitia dalam konteks perancangan, perkongsian maklumat, penjadualan kerja, kawalan secara kolektif terhadap kadar pelaksanaan kerja, membuat keputusan operasi dan bertindak terhadap masalah dalam panitia sendiri ataupun dari jabatan luar bagi tujuan meningkatkan keberkesanan

pengurusan panitia. Ketua Panitia selalu memandang dan memikirkan perubahan dibuat sebagai beban kerja. Sebaliknya, semua Ketua Panitia hendaklah bergandeng bahu dan berusaha membentuk satu kerja berpasukan yang kuat bagi mencapai wawasan, matlamat dan objektif sekolah. Roald *et.al.* dalam Tee (2003) menyatakan bahawa perubahan yang berlaku disesebuah sekolah merupakan suatu proses keperluan dan harus dihadapi supaya dapat mempertingkatkan kecekapan kerja dan mencapai matlamat akhirnya.

Mengikut dapatan kajian Razali (1999), didapati bahawa pekerja yang mempunyai kadar tekanan yang rendah mengalami tahap kepuasan kerja yang tinggi. Kerja berpasukan amat sesuai diterapkan dalam sesebuah panitia di sekolah supaya boleh meringankan beban tugas Ketua Panitia melalui pembahagian tugas seterusnya dapat menghilangkan tekanan serta meningkatkan tahap kepuasan kerja. Hasrat dan perancangan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam sistem pendidikan semakin bertambah, maka tugas Guru Kanan, Ketua Panitia dan guru juga semakin bertambah. Kerja berpasukan akan meringankan beban Ketua Panitia dan ahlinya, terutamanya dengan bekerjasama melaksanakan dasar-dasar kerajaan di sekolah. Setiap ahli haruslah menggunakan kelebihan kerja berpasukan untuk menyelesaikan kekangan atau masalah dalam organisasi supaya dapat membentuk satu sistem kerja berpasukan yang mantap dan berkesan.

Keberkesanan kerja berpasukan akan sentiasa meningkatkan mutu pendidikan di tahap yang lebih tinggi. Kerja secara berpasukan dalam panitia sekolah sedikit sebanyak dapat memberi input kepada pencapaian visi dan misi sekolah seterusnya ke arah pencapaian matlamat sekolah. Kerjasama dan sokongan antara satu sama lain amat penting untuk mengerakkan visi dan misi pendidikan negara dalam usaha mencapai Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020.

1.3 Penyataan Masalah

Bagi membentuk pasukan kerja yang efektif merupakan satu agenda yang menjadi keutamaan pihak pengurusan sekolah. Isu-isu pendidikan tidak lagi hanya berkaitan dengan sistem pendidikan dan persekolahan, tetapi juga melibatkan pelbagai faktor lain yang mempengaruhi kualiti pendidikan. Pendekatan pengurusan sekolah haruslah bersifat holistik, iaitu melibatkan semua pihak dan dibuat secara

berterusan. Oleh yang demikian, kerja secara berpasukan amat penting diamalkan di sekolah untuk menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan dalam latar belakang masalah, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan sesebuah kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia mengikut keutamaan dalam panitia. Keberkesanan kerja berpasukan bergantung kepada Ketua Panitia itu bersemangat untuk bekerjasama, menerima dan menggunakan kekuatan yang ada pada setiap ahli dalam pasukan, dan sentiasa memberikan galakan antara sesama mereka dalam menjalankan tugas masing-masing.

Setiap Ketua Panitia perlu memberi perhatian yang sepenuhnya kepada matlamat yang telah ditetapkan dan mereka perlu juga mengambil berat dan prihatin terhadap sesama ahli dalam pasukan mereka. Selain daripada itu, aspek yang perlu diberi perhatian ialah kepuasan kerja yang merupakan kesan daripada keberkesanan kerja berpasukan. Di samping itu, kajian ini juga akan melihat sejauh mana hubungan dan perbezaan antara keberkesanan kerja berpasukan dan tahap kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia. Penilaian keberkesanan kerja berpasukan dan kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia adalah penting, kerana pengumpulan maklumat dari Ketua Panitia bukan sahaja penting untuk menambahbaikkan sekolah secara berterusan, bahkan juga menggambarkan kepimpinan Guru Kanan melibatkan tenaga Ketua Panitia dalam usaha pemantapan keputusan mata pelajaran sekolah menuju ke arah kecemerlangan. Ketua Panitia juga dapat mengenal pasti sejauh mana keberkesanan kerja berpasukan yang telah sedia ada wujud dalam panitia, supaya langkah-langkah penambahbaikan boleh dilakukan.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan melihat keberkesanan kerja berpasukan dan kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia di sekolah rendah daerah Papar. Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengetahui tahap keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia berdasarkan faktor demografi.
- ii. Mengetahui faktor-faktor yang paling menyumbang ke arah keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia.

- iii. Melihat perbezaan keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia.
- iv. Melihat perbezaan kepuasan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia.
- iv. Melihat hubungan antara keberkesanan kerja berpasukan dengan kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Adakah terdapat perbezaan tahap keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia berdasarkan faktor jantina?
- ii. Apakah faktor-faktor yang paling menyumbang kepada keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia berdasarkan faktor pengalaman?
- iv. Adakah terdapat perbezaan kepuasan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia?
- v. Adakah terdapat hubungan antara keberkesanan kerja berpasukan dengan kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia ?

1.6 Hipotesis Kajian

- Ho¹ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia berdasarkan faktor jantina.
- Ho² Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam keberkesanan kerja Berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia berdasarkan faktor pengalaman.
- Ho³ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan Ketua Panitia.
- Ho⁴ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia.
- Ho⁵ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keberkesanan kerja berpasukan dengan Kepuasan kerja dalam kalangan Ketua Panitia.

1.7 Kepentingan Kajian

Segala dapatan kajian ini diharapkan akan dapat memberi gambaran berhubung kerja secara berpasukan dan sedikit sebanyak akan menjadi input kepada pelaksanaan kerja berpasukan dalam jabatan-jabatan lain. Jesteru, berdasarkan kajian ini, akan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang mempunyai minat dan kecenderungan dalam bidang berkaitan kerja berpasukan dan kepuasan kerja disekolah. Penemuan kajian ini juga diharap dapat membantu Guru Besar sekolah dan guru-guru serta seluruh staf untuk memperbaiki dan mempertingkatkan tahap kesedaran sedia ada serta memainkan peranan masing-masing secara bijak dalam peningkatan kualiti pengurusan khususnya di sekolah-sekolah rendah daerah Papar. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembuat dasar Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan prestasi pentadbiran pendidikan sesebuah sekolah.

Kajian ini juga boleh membantu mengenal pasti masalah berkait dengan kerja berpasukan. Maklumat-maklumat ini diharapkan dapat membantu menjawab persoalan-persoalan yang timbul di kalangan para guru, pentadbir, ibu bapa dan masyarakat tentang kerja berpasukan dan kepuasan kerja dikalangan Ketua Bidang dan Ketua Panitia. Dapatan kajian boleh digunakan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk meninjau pencapaian kualiti pengurusan sekolah dengan memberi perhatian khusus diberi kepada aspek pelaksanaan dalam pengurusan Jabatan mata pelajaran. Kajian ini juga boleh digunakan untuk merancang kursus dalam perkhidmatan yang diperlukan oleh guru di samping memberi peluang kepada ketua pasukan untuk memberikan pandangan positif khususnya ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Pengurus-pengurus pendidikan di sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri boleh merancang tindakan susulan yang sesuai dalam membantu serta membimbing warga sekolah melaksanakan serta membimbing warga sekolah melaksanakan pasukan kerja dengan berkesan.

Pasukan kerja yang berkesan akan menambahbaik lagi pengurusan yang berkesan, dinamik serta dapat memberi kepuasan dan motivasi kepada guru, khususnya Ketua Panitia dalam sekolah. Dengan kefahaman dan kesedaran yang tinggi ini akan menghasilkan suasana budaya kerja cemerlang dan seterusnya berjaya mencapai objektif, visi dan misi sekolah dan membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia.

1.8 Rasional Kajian

Sebuah sekolah yang cemerlang memerlukan kakitangan yang berkeupayaan, bermotivasi dan kreatif dalam melaksanakan tugas. Jabatan dan panitia di sekolah berperanan sebagai medium mengabungkan kemahiran dan pengetahuan untuk mencapai kejayaan dalam memberikan pendidikan berkualiti. Penghasilan kuasa sinergi secara positif serta perkongsian maklumat antara ahli pasukan kerja dapat menghasilkan momentum kerja yang lebih kuat. Di samping itu, pemberian pendidikan berkualiti, kerjasama dan usahasama serta penggabungan inovasi secara kolektif membolehkan guru-guru memantapkan kemahiran untuk memajukan diri. Konsep pembentukan pasukan kerja perlu dilaksanakan kerana ia merupakan cara yang terbaik dalam meningkatkan lagi kecekapan kerja dan kualiti pengurusan disekolah. Kerja berpasukan mampu meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan keupayaan guru-guru yang melakukan kerja secara kolaboratif.

Ia mampu juga meningkatkan produktiviti mereka. Sehubungan itu, kajian tentang keberkesanan dan kepuasan kerja Ketua Panitia adalah penting bagi pembangunan pasukan kerja secara berterusan. Ini telah memberi dorongan kepada pengkaji untuk meninjau lebih mendalam tentang aspek pengurusan Ketua Panitia dalam kerja berpasukan di sekolah. Kerjasama antara para pendidik dan pihak pengurusan sekolah akan merealisasikan pencapaian matlamat sekolah, seterusnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kerjasama secara berpasukan di kalangan pihak pengurusan dan guru serta seluruh organisasi sekolah bukanlah mudah untuk dicapai dan keadaan sedemikian memerlukan pengorbanan kepentingan individu demi keutamaan matlamat dan kepentingan organisasi. Oleh itu, amatlah wajar diberi perhatian terhadap kerja berpasukan dalam organisasi sekolah dan keberkesanan pengaplikasian kerja berpasukan oleh pihak yang terlibat terutamanya di sekolah.

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah tertumpu kepada persepsi di kalangan Ketua Panitia terhadap keberkesanan kerja berpasukan yang berhubung-kait dengan kepuasan kerja yang diperolehi. Dapatan kajian ini terbatas kepada sekolah rendah di daerah Papar sahaja. Kajian ini hanya melalui persepsi Ketua Panitia di sekolah rendah yang dipilih secara rawak. Oleh itu, data terkumpul bergantung pada kejujuran responden menjawab soalan di kalangan Ketua Panitia di sekolah rendah sahaja, keesahan dan kebolehpercayaan sangat bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran jawapan responden maka tidak mewakili keseluruhan populasi Ketua Panitia sekolah rendah di seluruh daerah Papar. Kajian ini hanya dijalankan di kalangan Ketua Panitia di 10 buah sekolah rendah sahaja. Hanya Ketua Panitia sahaja menjadi sampel kajian. Responden yang menjawab soal selidik yang dikemukakan adalah mengikut situasi tempat kerja mereka dan kemungkinan dipengaruhi juga oleh kepentingan peribadi.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini adalah seperti yang dijelaskan dalam rajah di bawah:



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian Hubungan Kerja Berpasukan Dengan Kepuasan Kerja Dalam kalangan Ketua Panitia Di Sekolah Rendah Daerah Papar.